



(NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA)
(MALAYSIA SHIPPING NOTICE)

NPM 5 /1999

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3686616 Fax: 03-3685289 E-mail: kpgr@marine.gov.my
<http://www.marine.gov.my>

STANDARD-STANDARD PERUBATAN DAN PENGLIHATAN BAGI PELAUT *MEDICAL AND EYESIGHT STANDARDS FOR SEAMEN*

Kaedah-kaedah Perkapalan Saudagar (Pemeriksaan Perubatan), 1999.
The Merchant Shipping (Medical Examination) Rules 1999.

Notis kepada Pemilik -pemilik Kapal, Agen, Nakhoda, Pelaut-pelaut, Pengamal-pengamal Perubatan yang diluluskan dan Referi Perubatan.
Notice to Shipowners, Agents, Masters, Seamen, Approved Medical Practitioners and Medical Referees.

Notis ini menggantikan Notis Perkapalan Saudagar JL.2 /1996
This Notice replaces Merchant Shipping Notice JL.2 / 1996

Pengenalan Am

1. Standard-standard perubatan dan penglihatan (JL/P/02/98) adalah dirangka untuk menghasilkan fleksibiliti maksima dalam interpretasi yang bersesuaian untuk menjamin kesihatan pelaut dan mengekalkan keselamatan kapal di laut.
2. Ianya jelas tidak mungkin meliputi setiap keadaan di dalam standard-standard yang dinyatakan. Secara am pemeriksa perubatan mestilah berpuashati dalam setiap kes bahawa tiada penyakit atau kecacatan akan bertambah tenat disebabkan oleh bekerja di laut atau menyebabkan risiko kesihatan kepada pelaut, kakitangan kapal atau keselamatan kapal tersebut.
3. Selain daripada aspek kesihatan keseluruhannya, keadaan pekerjaan di laut mestilah diteliti sepenuhnya, terutamanya dalam mana-mana kes garis sempadan. Faktor-faktor yang diambilkira ialah:

General Introduction

1. *The medical and eyesight standards (JL/P/02/98) are framed to provide the maximum flexibility in their interpretation compatible with ensuring the health of the individual seaman and maintaining the safety of ships at sea.*
2. *It is clearly not possible to cover every condition within the specified standards. As a general principle the medical practitioner should be satisfied in each case that no disease or defect is present which could either be aggravated by working at sea or represent an unacceptable health risk to the individual seaman, other crew members or the safety of the ship.*
3. *Apart from the purely medical aspects, the occupational circumstances which apply at sea should be fully considered, especially in any borderline case. Particular factors to take into account are:*

- tahap pelayaran berisiko tinggi yang memerlukan standard kesihatan yang tinggi dan kecergasan berterusan.
 - kemudahan alatan dan bekalan perubatan yang terbatas di atas kapal; hanya sesetengah kapal ada doktor dan terdapat kelewatan untuk mendapatkan rawatan kesihatan yang rapi.
 - kemungkinan sukar untuk mendapatkan/menggantikan ubatan yang diperlukan; secara am seseorang pelaut tidak akan dibenarkan kelaut jika kehilangan ubat yang diperlukan akan menyebabkan keadaan kesihatannya menjadi semakin buruk.
 - sifat kehidupan yang terkongkong di atas kapal dan keperluan untuk tinggal dan bekerja dalam komuniti yang kecil.
 - kelengkapan keanggotaan kru yang terhad di mana jika seorang kru jatuh sakit akan menambahkan beban kepada kru lain atau mengurangkan keselamatan dan kecekapan pekerjaan di kapal.
 - potensi keperluan bagi ahli kru untuk memainkan peranan dalam keadaan/rutin kecemasan di mana memerlukan tenaga lebih dalam suasana buruk.
 - mana-mana pelaut yang naik dan meninggalkan kapal melalui udara mestilah bebas dari apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan kesihatan akibat perjalanan udara, seperti pneumothorax atau keadaan barotrauma.
- *the potentially hazardous nature of seafaring, which calls for a high standard of health and continuing fitness;*
 - *the restricted medical facilities likely to be available on board ship; few ships carry doctors, medical supplies are limited, and there will be delay before full medical treatment is available;*
 - *the possible difficulty of providing/replacing required medication; as a general rule a seaman should not be accepted if the loss of a necessary medicine could precipitate the rapid deterioration of a condition;*
 - *the confined nature of life on board ship and the need to be able to live and work in a closed community;*
 - *the limited crew complements which mean that illness of one crew member may place a burden on other or impair the safe and efficient working of the ship;*
 - *the potential need for crew members to play a role in an emergency or emergency drill, which may involve strenuous activity in adverse conditions;*
 - *since many seamen will need to join and leave ships by air, they should be free from any condition which precludes air travel or could be seriously affected by it, such as pneumothorax or conditions which predispose to barotrauma;*
4. Pelaut-pelaut yang menghadiri pemeriksaan perubatan hendaklah mempunyai pengenalan diri. Pengamal perubatan yang melakukan pemeriksaan mestilah berpuashati bahawa tiada masalah akan timbul semasa pelayaran dan tiada rawatan yang sedang dijalani akan membawa kesan sampingan buruk. Adalah tidak selamat untuk membenarkan pelaut pergi ke laut tanpa mengetahui keadaan kesihatannya di mana ada kemungkinan memerlukan rawatan khas. Dimana sesuatu ubat telah dipersetujui oleh pemeriksa perubatan
4. *Seamen attending a medical examination should produce personal identification. The examining medical practitioner should be satisfied that no condition is present which is likely to lead to problems during the voyage and no treatment is being followed which might cause adverse side effects. It would be unsafe practice to allow a seaman to go to sea with any known medical condition where there was the possibility of serious exacerbation requiring expert treatment. Where medication is acceptable for seamen, the*

untuk seseorang pelaut, pelaut tersebut haruslah menyimpan lebih stok ubat tersebut di tempat yang selamat, dengan persetujuan nakhoda kapal.

individual seaman should arrange for a reserve stock of the prescribed drugs to be held in a safe place, with the agreement of the ship's Master.

Kekerapan Pemeriksaan Kesihatan.

Frequency of Medical Examination

5. (a) Pelaut-pelaut dibawah umur 18 tahun dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan perubatan setiap tahun.
- (b) Pelaut-pelaut di antara umur 18 hingga 40 tahun adalah dikehendaki menjalankan pemeriksaan dalam jangka masa tidak melebihi 5 tahun.
- (c) Pelaut-pelaut berumur 40 tahun dan ke atas adalah dikehendaki menjalankan pemeriksaan dalam jangka masa tidak melebihi 2 tahun.
- (d) Pelaut-pelaut yang berkhidmat di atas kapal kimia pukal adalah dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan perubatan, termasuk kemungkinan ujian darah, sekurang-kurangnya setahun sekali atau lebih kerap bergantung kepada jenis kargo.
- (e) Pelaut-pelaut yang memegang sijil perubatan sah selepas didiagnos mengalami sesuatu keadaan yang tertera dalam Notis ini yang boleh menghalangnya dari belayar, mestilah mengatur semula pemeriksaan perubatan secepat mungkin, dan perakuan perubatan yang disemak mestilah dikeluarkan.

5. (a) *Seamen below the age of 18 are required to have a yearly medical examination.*
- (b) *Seamen between the ages of 18 and 40 are required to be examined at intervals not exceeding five years.*
- (c) *Seamen aged 40 and over are required to be examined at intervals not exceeding two years.*
- (d) *Seamen serving on bulk chemical carriers are required to have medical examinations, which may include blood tests, at yearly or more frequent intervals, according to the nature of the cargo.*
- (e) *Seamen who, while holding a valid medical certificate, suffer a condition covered by this Notice which precludes seafaring, should arrange for an additional approved medical examination as soon as possible after diagnosis, and revised medical certificate should be issued.*

6. Tempoh sah perakuan perubatan

6. Period of validity of medical certificates

Sejajar perenggan 5 di atas, tempoh keesahan mestilah dimasukkan dalam sijil perubatan berdasarkan tempoh maksima berikut :

In line with paragraph 5 above, the period of validity must be entered on the certificate according to the following maximum periods.

- (a) Pelaut-pelaut di bawah umur 18 tahun - satu tahun
- (b) Pelaut-pelaut 18 tahun dan di bawah umur 40 tahun - 5 tahun.
- (c) Pelaut-pelaut yang berumur 40 tahun dan lebih - 2 tahun

- (a) *seamen under 18 years of age
– one year*
- (b) *seamen 18 years and under 40 years
– five years*
- (c) *seamen 40 years and over
– two years.*

7. Pengawasan perubatan adalah penting dalam mengekalkan kesihatan pelaut. Ini terutamanya selepas sesuatu penyakit atau kemalangan di darat yang melibatkan keadaan yang tertera dalam Notis ini yang berlarutan untuk sebulan atau lebih.
7. *Medical surveillance is important in maintaining the health of the seaman. This is particularly so after an illness or accident ashore involving a condition covered by this Notice and lasting for a month or more.*

Kategori-kategori Kecergasan Perubatan

Categories of Medical Fitness

8. Kategori-kategori berikut adalah terpakai dalam menilai samada pelaut cergas atau tidak mengikut istilah standard-standard perubatan dan penglihatan.
8. *The following categories are applied in assessing whether or not the seamen is fit in terms of the medical and visual standards:*

Seorang pelaut boleh dinilai sebagai cergas :

The seamen may be assessed as fit:

A untuk perkhidmatan laut yang tidak terbatas

A for unrestricted sea service

A(T) untuk perkhidmatan laut yang tidak terbatas, tertakluk kepada pengawasan perubatan

A(T) for unrestricted service, subject to medical surveillance

E untuk perkhidmatan laut yang terbatas sahaja

E for restricted service only.

Batasan.....

Restriction.....

Seorang pelaut boleh dinilai sebagai tidak cergas:

The seamen may be assessed as not fit:

B secara tetap

B permanently

C secara tidak tetap; merujuk dalam bulan.

C indefinitely: review in months

D secara sementara; merujuk dalam minggu.

D temporarily: review in weeks.

9. Kategori A(T) boleh digunakan di mana pelaut boleh dikatakan cergas bagi semua jenis pelayaran, kawasan geografi, jenis-jenis kapal atau kerja-kerja tetapi memerlukan pengawasan perubatan dalam tempoh yang ditetapkan. Perakuan perubatan (JL/HEPP/D/09) hendaklah disahkan hanya bagi tempoh yang sesuai di mana tempoh tugas yang dijangka hendaklah diambil kira. Pengamal perubatan yang diluluskan hendaklah menggunakan sepenuhnya kategori-kategori C dan D sebelum mengistiharkan pelaut yang sedang bertugas tidak cergas secara kekal(B).
9. *Category A (T) may be used where a seamen can be considered fit for all shipping trades, geographical areas, types of ships or jobs but where medical surveillance is required at intervals. The medical certificate (JL/HEPP/D/09) should be validated only for the appropriate period which should take into account the expected duration of the tour of duty. Approved medical practitioners should make full use of the categories C and D before declaring a serving seaman permanently unfit(B).*

10. Adalah menjadi kewajipan pihak majikan, atau sesiapa yang berkuasa bagi pihaknya, untuk memastikan bahawa kategori yang dicadangkan oleh pengamal perubatan yang
10. *It is the responsibility of the employer, or those authorised to act on his behalf, to ensure that the category recommended by the approved medical practitioner is taken*

diluluskan telah diambil kira sepenuhnya bila perjanjian atau penyambungan pekerjaan pelaut adalah di bawah pertimbangan.

fully into account when the engagement or the continued employment of a seaman is under consideration.

11. Boleh menjadi keperluan, dengan persetujuan pelaut, bagi pengamal perubatan yang diluluskan untuk berunding dengan doktor pelaut. Bila menjadi keperluan untuk berunding dengan doktor-doktor lain, pertimbangan-pertimbangan yang biasa adalah digunakan, tetapi keputusan ke atas kecergasan mengikut standard masih lagi dengan pengamal perubatan yang diluluskan, tertakluk kepada prosedur rayuan perubatan.

11. It may be necessary, with the seaman's consent, for the approved medical practitioner to consult the seaman's doctor. When it is necessary to consult with other doctors the usual ethical considerations apply, but the decision on fitness in accordance with the required standard rests with the approved medical practitioner, subject to the medical appeal procedure.

12. Nota-nota klinikal yang lengkap hendaklah disimpan untuk mana-mana pemeriksaan kesihatan rapi. Semua seksyen dalam borang laporan yang telah diluluskan (JL/HEPP/D/16) mestilah lengkap dan borang disimpan selama 3 tahun. Borang ini mestilah disertakan bersama dengan Perakuan Perubatan (JL/HEPP/D/09), sekiranya terdapat tidak cergas atau hanya cergas untuk perkhidmatan yang terbatas.

12. Full clinical notes should be kept of any detailed medical examination. All sections of the approved report form (JL/HEPP/D/16) should be completed and the form retained for 3 years. This form have to be attached together with the Medical Certificate (JL/HEPP/D/09), should there be any unfit or fit only for restricted service.

Perkhidmatan Yang Terbatas.

Restricted Service

13. Perkhidmatan yang terbatas ertinya pekerjaan seseorang pelaut adalah terbatas untuk sesetengah pelayaran, kawasan geografi, jenis-jenis kapal atau kerja-kerja bagi tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan oleh pengamal perubatan yang diluluskan. Jenis batasan dan jangkamasa ianya beroperasi hendaklah diterangkan dengan jelas. Contohnya, batasan untuk feri dan kerja perairan hendaklah terpakai bagi pelaut yang secara fizikal dan mental cergas bagi tugas-tugasnya tetapi memerlukan rawatan kesihatan lanjutan dalam jangkamasa yang kerap.

13. Restricted service means that the seaman's employment is restricted to certain shipping trades, geographical areas, types of ships or jobs for such periods of time as may be stipulated by the approved medical practitioner. The type of restriction and the length of time it will operate should be made clear. Restriction to ferry and coastal work, for example, might be applied to seamen who are physically and mentally fit for their duties but who require medical treatment or review at frequent intervals.

Ketidaccergasan Kekal

Permanent Unfitness

14. Bagi pelaut yang sedang berkhidmat, keputusan bagi ketidaccergasan kekal hendaklah dibuat hanya selepas pemeriksaan dan pertimbangan kes sepenuhnya dibincangkan dengan pelaut. Doktor pelaut, dengan izin pelaut hendaklah diberitahu mengenai sebab dan keputusan diatas dicapai.

14. In a serving seaman, a decision of permanent unfitness should be reached only after a full investigation and consideration of the case and should be fully discussed with the seaman. The seaman's doctor should be informed of the decision and the reasons for it, provided permission to do so has been obtained from

the seaman.

Rayuan Kesihatan

15. Semua pelaut yang didapati secara kekalnya tidak cergas atau cergas yang hanya untuk perkhidmatan yang terbatas mempunyai hak untuk merayu kepada Referi Perubatan yang dilantik oleh Pengarah Laut. Tiada hak atau rayuan bagi kemasukan baru yang pertama kali menjalani pemeriksaan. Bila mungkin, Referi Perubatan mestilah dibantu dalam kepercayaan dengan apa-apa maklumat perubatan.
16. Referi Perubatan adalah diberi kuasa semasa bekerja untuk standard yang sama:
- memastikan bahawa diagnos telah dijalankan melebihi keraguan yang munasabah, mengikut keterangan perubatan di mana pemeriksa perubatan yang diluluskan telah membuat keputusan dan, biasanya, dengan bantuan laporan daripada Konsultan dalam kepakaran yang berkaitan.
 - untuk menentukan samada standard-standard telah ditafsirkan dengan sewajarnya, dan
 - untuk menimbangkan kemungkinan pelaut, yang dahulunya diistiharkan sebagai tidak cergas secara kekal, pergi ke laut semula.
17. Dalam kes-kes yang tidak dilindungi oleh standard-standard perubatan atau dalam kes-kes kategori "B" di mana pertimbangan perubatan khusus digunakan, Referi Kesihatan hendaklah memutuskan penyelesaian yang sesuai selepas rundingan dengan pengamal perubatan yang diluluskan yang terlibat dan pertimbangan semua keterangan-keterangan yang dihadapkan kepadanya.

Medical Appeals

15. *All serving seamen found permanently unfit or fit only for restricted service have a right of appeal to an independent Medical Referee appointed by the Director. There is no right or appeal for new entrants at their first examination. Wherever possible, Medical Referees should be assisted by the disclosure, in confidence, of any necessary medical information.*
16. *Medical Referees are empowered, while working to the same standards:*
- *to ensure that the diagnosis has been established beyond reasonable doubt, in accordance with the medical evidence on which the approved medical practitioner reached his decision and, normally, with the assistance of a report from a Consultant in the appropriate speciality;*
 - *to determine whether the standards have been properly interpreted; and*
 - *to consider the possibility of a seamen, previously declared permanently unfit, returning to sea.*
17. *In cases not covered by the medical standards or in Category "B" cases where exceptional medical considerations apply, the Medical Referee should decide an appropriate disposal after consultation with the approved medical practitioner involved and consideration of all the evidence presented to him.*

18. Salinan-salinan standard JL/P/02/98 boleh
dibeli dari alamat berikut.

Wisma Pelaut
No. 2, Jalan Depoh,
42000 Pelabuhan Kelang,
Selangor
Tel: 03-3680771
Fak: 03-3672882

Wima Pelaut Pulau Pinang
No. 1-A, Leboh Light,
10200, Pulau Pinang
Tel: 04-2617473
Fak: 04-2528524

Tarikh penguatkuasaan – 1hb Ogos 1998.

18. *Copies of the said standards JL/P/02/98
can be purchased from the below
address.*

*Wisma Pelaut
No. 2, Jalan Depoh,
42000 Pelabuhan Kelang,
Selangor
Tel: 03-3680771
Fax: 03-3672882*

*Wima Pelaut Pulau Pinang
No. 1-A, Leboh Light,
10200, Pulau Pinang
Tel: 04-2617473
Fax: 04-2528524*

Enforcement date: 1st August 1998.

KAPT. RAJA MALIK SARIPULAZAN BIN RAJA KAMARUZAMAN
Pengarah Laut/*Director of Marine*